

# Keputusan PT3 diumumkan seluruh negara

2012 116 mls - 14 - 15

**KUALA LUMPUR** - Keputusan peperiksaan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) diumumkan di seluruh negara, semalam.

Terdapat 432,514 calon menduduki peperiksaan itu tahun ini dan mereka mengambil keputusan di sekolah masing-masing.

Namun kali ini tiada pengumuman rasmi dibuat mengenai prestasi peperiksaan itu seperti peratusan pelajar mendapat keputusan cemerlang, perbandingan di antara negeri, perbandingan di antara sekolah bandar dan luar bandar serta perbandingan antara sekolah 'terbaik' seperti lazim.

Ini memandangkan keputusan PT3 itu adalah sebahagian komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).

Menurut Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM),



**Pelajar cemerlang Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (Perempuan) Alawiyah, Perlis menunjukkan slip keputusan masing-masing, semalam.**

keputusan PT3 adalah hasil Pentaksiran Pusat dan komponen lain ialah Pentaksiran Sekolah, Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) serta Pentaksiran Psikometrik (PPsi).

Pentaksiran Sekolah melibatkan penilaian

akademik oleh guru-guru sewaktu proses pembelajaran dalam kelas secara berterusan dari Tingkatan 1 hingga 3, dengan guru-guru perlu menghantar laporan prestasi itu kepada LPM setiap tahun.

Penglibatan pelajar

dalam aktiviti berpersatuan dan sukan pula dinilai dalam PAJSK iaitu mengenal pasti kemahiran kepimpinan dan komunikasi dalam organisasi.

PPsi pula dikendalikan oleh guru-guru kaunseling yang mana satu ujian khas diberi kepada pelajar-pelajar bertujuan mengenal pasti bakat dan kecenderungan mereka terhadap bidang diminati.

Kesemua komponen tersebut merupakan elemen

penting kepada pihak sekolah untuk membantu pelajar-pelajar menentukan aliran Sains ataupun Sastera apabila melangkah ke Tingkatan 4, kata Ketua Sektor Pengurusan Dasar dan Perkembangan Dr Rahimah Adam kelmarin semasa menjelaskan perkara itu.

Rahimah berkata, PT3 hanya merupakan satu daripada elemen dalam PBS dan bukannya berfungsi untuk menggantikan Penilaian Menengah Rendah (PMR).

"Di akhir Tingkatan 3, murid akan menerima pelaporan Pentaksiran Sekolah pelaporan Pentaksiran Psikometrik, pelaporan PAJSK dan pelaporan PT3," katanya. - *Bernama*



**Pelajar cemerlang SMKA Perempuan Alawiyah, Aina Nadhirah Mansor menunjukkan slip keputusan 11A serta pingat gangsa dalam International Engineering Invention & Innovation Exhibition (i-ENVEX) 2015. - Foto: BERNAMA**



**Pelajar SMK Perempuan St George, Pulau Pinang, Nur Elliyana Abd Rahman menunjukkan keputusan PT3 setelah mendapat 10A.**

**Sebahagian pelajar cemerlang Sekolah Datuk Abdul Razak, Negeri Sembilan yang mendapat keputusan 10A dalam semua mata pelajaran bergambar bersama slip keputusan, semalam.**

# WARNA-WARNI KEPUTUSAN PT3



**SUNGAI PETANI** Kesemua pelajar Maahad Tahfiz Profesional yang menerima sijil PT3 merakam kenangan bersama ahli keluarga mereka.



**PUTRAJAYA** Dua pelajar Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 8 (1), Akmal Ash Nur Muhammad Insan dan Nurul Athilah Muhammad Nasir memperolehi keputusan 11A dalam Peperiksaan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3). - Foto: BERNAMA



**JOHOR** Sebahagian daripada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (P) Sultan Ibrahim (SIGS) meraikan kejayaan memperoleh keputusan 10A.



**MARANG** Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Durian Guling melompat kegembiraan selepas mendapat keputusan 11A dalam peperiksaan PT3 yang diumumkan semalam. - Foto: BERNAMA



**IPOH** Sebahagian pelajar Sekolah Izzudin Shah (SIS), Ipoh meraikan kejayaan mereka selepas majlis penyerahan slip PT3 semalam.



**KUANTAN** Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Alor Akar, Noor Azhari Yahya mengucapkan tahniah kepada enam pelajar cemerlang PT3 sekolah itu, semalam.



**TERENGGANU** Sebahagian 91 pelajar SMKA Datuk Haji Abas, Kuala Nerus memperoleh keputusan semua A dalam peperiksaan PT3 yang diumumkan semalam.